



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Sabtu, 31 Disember 2022

1	Purata kos keluar ayam RM6.53 sekilogram, telur 48sen
2	-Kos pengeluaran ayam RM6.53 sekilo -Telur ayam India masih tak laku
3	Kos pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram
4	Pengguna pilih telur tempatan berbanding import

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31.12.2022	HARIAN METRO	LOKAL	19

Purata kos keluar ayam RM6.53 sekilogram, telur 48 sen

Kuala Lumpur: Kos pengeluaran ayam pedaging di Malaysia secara purata adalah RM6.53 sekilogram (kg) manakala sebiji telur ayam pula mencatatkan purata kos pengeluaran RM0.48.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, harga sekilogram ayam di ladang pula jika mengambil kira lima, 10 dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran ayam, harga ayam di ladang direkodkan berada di antara julat RM6.86 hing-

ga RM7.84.

"Margin keuntungan sekilogram ayam di peringkat borong pula merekodkan RM1.30, manakala margin keuntungan sekilogram ayam di peringkat runcit mencatatkan RM1.25," katanya dalam kenyataan menganai Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur 2022.

Dapatan itu diperoleh hasil kajian khas yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh September hingga Oktober lalu susulan isu berkaitan kos pengeluaran ayam yang dibangkitkan sejak awal tahun lalu disebabkan proses pemuliharan ekonomi kesan pandemik Covid-19.

Sementara itu, bagi telur ayam, Mohd Uzir berkata, sekiranya mengambil kira lima, 10 dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran, harga telur ayam di ladang direkodkan berada di antara julat RM0.50 hingga RM0.58 sebiji.

"Margin keuntungan se-

biji telur ayam di peringkat borong dan runcit pula masing-masing mencatatkan RM0.04 dan RM0.02," katanya.

Mengulas lanjut mengenai laporan itu, Mohd Uzir berkata, antara komponen terbesar dalam kos pengeluaran ayam pedaging ialah makanan ternakan (65.1 peratus) dan kos pembelian *day-old chick* atau anak ayam umur sehari (16.0 peratus).

"Kos makanan ternakan juga berbeza mengikut jenis

iaitu bagi ayam pedaging, purata kos makanan ternakan ayam pedaging bagi jenis *Starter* ialah RM132.04 per 50kg manakala purata kos makanan ternakan ayam pedaging bagi jenis *Grouper* dan *Layer* masing-masing RM117.08 per 50kg dan RM115.10 per 50kg.

"Selain itu, semasa kajian Starter lazimnya lebih mahal disebabkan oleh kandungan nutrien yang lebih tinggi dan kesesuaianya untuk tumbesaran anak ayam," katanya.

Bagi ayam penelur pula, purata kos makanan ternakan bagi jenis *Starter* ialah RM131.57 per 50kg, manakala jenis *Grouper* dan *Layer* masing-masing RM117.08 per 50kg dan RM115.10 per 50kg.

"Makanan ternakan ayam jenis *Starter* lazimnya lebih mahal disebabkan oleh kandungan nutrien yang lebih tinggi dan kesesuaianya untuk tumbesaran anak ayam," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31.12.2022	KOSMO	NEGARA	16

Jabatan Perangkaan turut menjelaskan kos telur pula 48 sen sebiji

Kos pengeluaran ayam RM6.53 sekilo



PENIAGA menjual ayam mentah di sebuah pasar basah di Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

Oleh RIDZAUDIN ROSLAN

PUTRAJAYA — Purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi ayam dilaporkan RM6.53 sekilogram, manakala kos bagi telur pula sebanyak 48 sen sebiji.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, harga sekilogram ayam di ladang jika mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran ayam direkodkan berada antara julat RM6.86 hingga RM7.84.

Sementara itu, margin keuntungan sekilogram ayam di peringkat borong merekodkan RM1.30, manakala margin keuntungan sekilogram ayam di peringkat runcit mencatatkan RM1.25.

"Bagi telur ayam, purata kos pengeluaran sebiji telur menentatkan 48 sen. Sekiranya mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran, harga ladang direkodkan berada

antara julat 50 sen hingga 58 sen sebiji.

"Margin keuntungan sebiji telur ayam di peringkat borong dan runcit pula masing-masing mencatatkan 0.4 sen dan 0.2 sen," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir berkata, antara komponen terbesar dalam kos pengeluaran ayam makanan ternakan meliputi 65.1 peratus selain kos belian 'day-old chick' (16 peratus).

"Kos pengeluaran telur ayam pula merangkumi 96.9 peratus kos langsung dan 3.1 peratus kos tidak langsung di mana 76.2 peratus daripadanya melibatkan kos makanan ternakan ayam dan 15.8 peratus utiliti serta gaji.

"Kos pembelian 'day-old chick' pula 2.2 peratus daripada jumlah kos pengeluaran telur," jelasnya.

Katanya, purata kos makanan untuk ternakan ayam pedaging jenis *starter* purata sebanyak RM132.04 bagi setiap 50 kilogram.

Telur ayam India masih tak laku

KUALA TERENGGANU – Ramai pengguna masih ragu-ragu untuk membeli telur import memaksa pemborong di negeri ini masih mempertimbangkan mengedarkan bahan makanan itu untuk dijual di pasaran.


Disebabkan itu telur import daripada India itu masih banyak di pasaran dan tidak menjadi pilihan pemborong tempatan.

Seorang pemborong, Zulaikha Zulkifli, 29, berkata, majoriti pemborong di situ enggan mengambil risiko menjual telur ayam import dari India bagi menangani masalah kekurangan bekalan di pasaran.

Jelasnya, dia juga bimbang menanggung kerugian sekiranya telur ayam import tidak mendapat sambutan daripada pengguna.

"Harga telur ayam import juga sebenarnya lebih mahal, memang kami boleh dapat untung besar tapi itu pun jika ada yang mahu beli. Itu sebabnya saya tidak berani jual telur ayam dari India.

"Lagipun kami tidak pasti tahap kebersihan dan kualitinya walaupun kerajaan memberijamin telur import berkenaan telah mematuhi piawaian serta pemeriksaan yang rapi," katanya.



ZULAIKHA di pusat pemborong telurnya di Kuala Terengganu semalam.



KERATAN Kosmo! 24 Disember 2022.

Seorang pemborong dikenali Zulaikha berkata, setakat ini, dia hanya menjual telur ayam tempatan dengan bekalan terakhir kira-kira 5,000 papan diterima dari pembekal pada tiga hari lalu.

Katanya, telur semua gred itu kehabisan dalam masa empat jam walaupun setiap pembeli dihadkan lima papan seorang.

"Risau juga ambil stok telur import takut tak laku," jelasnya.

Kos pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram

Purata bagi sebiji telur 48 sen, harga di ladang antara 50 sen hingga 58 sen

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Putrajaya: Kos pengeluaran ayam pedaging di Malaysia ialah RM6.53 sekilogram, manakala purata kos pengeluaran sebiji telur ayam adalah 48 sen.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata harga sekilogram ayam di ladang jika mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran ayam, harga ayam di ladang direkodkan berada di antara julat RM6.86 hingga RM7.84.

"Sementara itu, margin keuntungan sekilogram ayam pada peringkat borong merekodkan RM1.30, manakala margin keuntungan sekilogram ayam di peringkat runcit mencatatkan RM1.25," katanya menerusi kenyataan media Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam

Dan Telur 2022 yang diterbitkan, semalam.

Statistik dikeluarkan berdasarkan kajian khas untuk bulan rujukan September 2022 dan dijalankan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tempoh September hingga Oktober 2022.

Mohd Uzir berkata, bagi telur ayam, purata kos pengeluaran sebiji telur ayam mencatatkan 48 sen, yang mana sekiranya mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluarannya, harga di ladang direkodkan berada di antara julat 50 sen hingga 58 sen sebiji.

"Margin keuntungan sebiji telur ayam di peringkat borong dan runcit pula masing-masing mencatatkan empat sen dan dua sen," katanya.

Mohd Uzir berkata, melalui dapatan kajian, didapati kom-

posisi kos pengeluaran ayam pedaging meliputi 98.6 peratus kos langsung dan 1.4 peratus kos tidak langsung.

Kos makanan berbez

Katanya, antara komponen terbesar dalam kos pengeluaran ayam pedaging ini ialah makanan ternakan (65.1 peratus) dan kos pembelian 'day-old chick' (16 peratus).

"Kos pengeluaran telur ayam pula merangkumi 96.9 peratus kos langsung dan 3.1 peratus kos tidak langsung, di mana 76.2 peratus daripadanya membabitkan kos makanan ternakan ayam dan 15.8 peratus adalah kos utiliti serta gaji dan upah."

"Kos pembelian 'day-old chick' meliputi 2.2 peratus dari pada jumlah kos pengeluaran telur," katanya.

Beliau berkata, kos makanan

ternakan juga berbeza mengikut jenis, yang mana bagi ayam pedaging, purata kos makanan ternakan jenis 'Starter' ialah RM132.04 bagi setiap 50 kilogram (kg).

Manakala, katanya, purata kos makanan ternakan ayam pedaging bagi jenis 'Grower' dan 'Finisher' masing-masing mencatatkan RM129.71 bagi setiap 50 kg dan RM126.96 bagi 50 kg.

"Makanan ternakan ayam jenis 'Starter' lazimnya lebih mahal disebabkan kandungan nutrien lebih tinggi dan kesesuaianya untuk tumbesaran anak ayam," katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, bagi ayam penelur, purata kos makanan ternakan bagi jenis 'Starter' ialah RM131.57 bagi setiap 50 kg.

Katanya, purata kos makanan ternakan bagi jenis 'Grower' dan 'Layer' masing-masing adalah RM117.08 bagi setiap 50 kg dan RM115.10 bagi setiap 50 kg.

"Selain itu, ketika kajian, harga belian bagi seekor 'day-old chick' (pedaging) di Malaysia secara purata merekodkan RM2.12 dan RM3.32 bagi seekor 'day-old chick' (penelur)."

"Harga anak ayam ini kebiasaannya akan berubah bergantung kepada pasaran semasa," katanya.


 Sementara itu, margin keuntungan sekilogram ayam pada peringkat borong merekodkan RM1.30, manakala margin keuntungan sekilogram ayam di peringkat runcit mencatatkan RM1.25.

**Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia**

Pengguna pilih telur tempatan berbanding import

KOTA BHARU: Pengguna di negeri ini mengakui lebih ‘jeliro’ atau berselera menggunakan telur tempatan berbanding import dalam urusan harian.

Seorang pengguna, Asiah Yusnus, 65, berkata, hal ini kerana telur tempatan sudah sebat dengan kehidupannya walaupun sering berdepan kekurangan bekalan di pasaran ketika ini.

“Telur ini kita tidak tahu lagi kualiti dan rasa macam mana? Sebab itulah saya memilih untuk bertahan dengan telur tempatan.

“Jika terputus bekalan, saya akan menggunakan telur ayam kampung walaupun harganya agak mahal sedikit. Namun apa-

kan daya itulah pilihan yang ada ketika ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Pengurus Cawangan Mydin Mall Tunjung, Rashid Suratman memberitahu, sebanyak 14,400 biji telur import akan dijual kepada pengguna dalam masa terdekat.

Katanya, kemasukan telur itu bertujuan menampung keperluan telur tempatan yang tidak mencukupi ketika ini.

“Kita sudah dimaklumkan pihak pengurusan pasar raya di Kuala Lumpur berhubung perkara itu dan dijangka sampai dalam masa beberapa hari lagi.

“Harga jualan telur ayam import itu juga akan ditentukan kemudian,” jelasnya.



DUA pelanggan memilih telur ayam tempatan di sebuah pasar raya di Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/ AIMUNI TUAN LAH